



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KOS BAHAN BINAAN DISEMBER 2024

Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 4.6 peratus pada Disember 2024

PUTRAJAYA, 9 Januari 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, DISEMBER 2024**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga seunit besi merekodkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 4.6 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Disember 2024 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit bahan besi telah dicatatkan di Perak (-4.6%), diikuti dengan Tawau (-2.3%) dan Sandakan (-2.0%).

Selain daripada itu, Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks harga seunit keratan keluli dan logam turut merekodkan penurunan antara negatif 0.3 peratus hingga negatif 0.8 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Disember 2024 berbanding bulan lepas. Selain daripada itu, indeks harga seunit simen pula kekal tidak berubah bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Disember 2024.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Disember 2023 dan Disember 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 2.8 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi indeks ini dicatatkan di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.8%), diikuti dengan Pahang (2.7%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Perak, masing-masing (1.5%).

Namun begitu, perbandingan tahunan indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara negatif 1.7 peratus hingga negatif 9.7 peratus pada Disember 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks seunit besi telah direkodkan di Perak (-9.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* pula telah mencatatkan penurunan (-1.1%) dengan purata harga RM3,588.30 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (November 2024: RM3,628.90 per tan metrik). Purata harga bahan ini juga telah mencatatkan penurunan sejak Julai 2024. Selain daripada itu, purata harga simen (*Ordinary Portland*) pada Disember 2024 kekal tidak berubah berbanding bulan lepas, dengan purata harga RM23.25 per 50 kg sekarung.

IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia merekodkan penurunan iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.9 peratus pada bulan Disember 2024 berbanding bulan sebelumnya. Penurunan IKB termasuk bar keluli telah dicatatkan bagi hampir semua kategori bangunan kecuali Cerucuk Kayu di kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Perak, Johor dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, IKB termasuk bar keluli kekal tidak berubah bagi hampir semua kategori bangunan kekal di kawasan Terengganu & Kelantan.

Tambahan daripada itu, IKB termasuk bar keluli di Sabah juga turut menunjukkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 0.8 peratus bagi hampir semua kategori bangunan (kecuali Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu)

di Kota Kinabalu dan Sandakan. Manakala, IKB di Tawau pula merekodkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.9 peratus bagi hampir semua kategori bangunan kecuali peningkatan dalam indeks bagi kategori Bangunan Konkrit Tetulang Satu Tingkat (0.1%), Kerangka Besi Satu tingkat (Bangunan) (0.2%) dan Bangunan Kayu (0.5%).


Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak pada Disember 2024 juga mencatatkan penurunan kecil antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 0.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan (kecuali Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu) di Kuching dan Sibu. Selain daripada itu, IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Miri merekodkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus dan negatif 0.2 peratus bagi hampir semua kategori bangunan.

Menurut perspektif global pula, berdasarkan laporan *Mining.com* yang diterbitkan pada 31 Disember 2024, niaga hadapan bijih besi berakhir pada tahun 2024 dengan penurunan drastik melebihi 15 peratus, ini disebabkan oleh permintaan yang tidak menentu, margin keluli yang mengecil, serta stok tinggi di pelabuhan-pelabuhan oleh pengguna terbesar di China, telah mendorong harga bahan pembuatan keluli semakin merosot.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Disember 2024



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Disember 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 JANUARI 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

BUILDING COST INDEX, MALAYSIA DECEMBER 2024

The unit price index of steel recorded a decrease between negative 0.1 per cent to negative 4.6 per cent in December 2024

PUTRAJAYA, January 9, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, DECEMBER 2024**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the monthly comparison showed a decrease in the unit price index of steel between negative 0.1 per cent to negative 4.6 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in December 2024 as compared to the previous month. The highest decrease was recorded in Perak (-4.6%), followed by Tawau (-2.3%) and Sandakan (-2.0%).

Apart from that, the Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of steel & metal sections registered a decline between negative 0.3 per cent to negative 0.8 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in December 2024 as compared to the previous month. Meanwhile, the unit price index of cement remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in December 2024.

An annual comparison for the period of December 2023 and December 2024 indicated that the unit price index of cement increased between 0.1 per cent to 2.8 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.8%), followed by Pahang (2.7%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Perak (1.5%), respectively.

Nevertheless, an annual comparison of the unit price index of steel recorded a decrease between negative 1.7 per cent to negative 9.7 per cent in December 2024 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease was recorded in Perak (-9.7%).

The Chief Statistician of Malaysia also elaborated that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a decrease (-1.1%) with an average price of RM3,588.30 per metric tonne as compared to the previous month (November 2024: RM3,628.90 per metric tonne). The average price of this material has been declining since July 2024. Meanwhile, the average price of cement (Ordinary Portland) in December 2024 remained unchanged with an average price of RM23.25 per 50 kg bag as compared to the previous month.

BCI with steel bars for all building categories recorded a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 1.9 per cent in December 2024 as compared to the previous month. The decrease for BCI with steel was recorded for almost all building categories except Timber Piling in Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Johor and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan. Apart from that, the index for almost all other building categories in Terengganu & Kelantan remained unchanged.

Additionally, BCI with steel bars in Sabah also showed a slight decrease between negative 0.2 per cent to negative 0.8 per cent for almost all building categories (except for Timber Building and Timber Piling) in Kota Kinabalu and Sandakan. Meanwhile, BCI in Tawau recorded a decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.9 per cent for almost all categories of building except an increase in index

for Single Storey (Reinforced Concrete) Building (0.1%), Single Storey Steel Frame (Building) (0.2%) and Timber Building (0.5%).

A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak for December 2024 also registered a slight decrease between negative 0.2 per cent to negative 0.5 per cent for almost all categories of buildings (except Timber Building and Timber Piling) in Kuching and Sibu. However, BCI with steel bars for almost all building categories in Miri showed a slight decrease between negative 0.1 per cent and negative 0.2 per cent for almost all categories of buildings.

On a global perspective, based on the report released by Mining.com in 31 December 2024, iron ore futures ended 2024 with a drastic decline of more than 15 per cent as faltering demand, thin steel margins and high portside stocks in top consumer in China dragged prices of the key steelmaking ingredient lower.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – December 2024





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – December 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 JANUARY 2025**